

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN BHD
SETIU, TERENGGANU

OLEH

AZLAN BIN MOHAMAD
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2006

5/3378

1100045548 Perpustakaan
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 6 FPE 2 2006



1100045543

Laporan akhir latihan industri di Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn.Bhd Setiu,Terengganu / Azlan Mohamad.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045543

1100045543

Lihat sebelah

HAK MILIK
PFRPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT
SDN. BHD., SETIU, TERENGGANU.**

Oleh

**AZLAN BIN MOHAMAD
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2006

1100045543

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **AZLAN BIN MOHAMAD** No. Matrik **UK 9791** mengaku bahawa laporan **Latihan Industri** bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Azlan Bin Mohamad

No. Matrik : UK 9791

Tarikh: 15 / 11 / 2006

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

DR. AHMAD BAZLI SHAFIE

Pensyarah
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Bismillah hirrahman nirrahim dan assalamualaikum w.b.t....

Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya telah berjaya menamatkan Latihan Industri di Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn.Bhd (PSAR) seperti yang telah dijadualkan.

Sepanjang tempoh menjalani latihan industri di PSAR selama 12 minggu yang lalu, banyak perkongsian pengalaman dan pengetahuan yang telah diperolehi. Ia merupakan bekalan yang amat berguna untuk dijadikan sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan kelak. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi (KUSTEM) dan Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikut program Latihan Industri bagi program S.M.P. Polisi dan Sekitaran Sosial. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada PSAR yang bermurah hati untuk menerima dan memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan tempoh latihan ini.

Tidak lupa juga ucapan ini ditujukan kepada penyelia KUSTEM iaitu Dr. Ahmad Bazli Bin Shafie yang banyak memberi perhatian dalam perkembangan untuk menjayakan latihan ini. Keprihatinan beliau memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tugas ini amat dihargai.

Seterusnya ribuan terima kasih kepada Pn. Ashazana Bt. Abd. Rahman selaku Penyelia Industri kerana banyak memberi tunjuk ajar dan pandangan serta keprihatinan beliau membantu saya sepanjang menjalankan latihan industri di PSAR. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada En. Mohamad Saipuddin Abas selaku Pengarah Urusan syarikat serta En. Azmi Ibrahim selaku Pengurus Besar yang telah memberi banyak tunjuk ajar, bimbingan, bantuan, nasihat, kritikan yang membina dan pendapat yang sangat berguna dan berharga kepada saya dalam menyiapkan laporan akhir ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang sama-sama menjalankan latihan industri ini dan juga rakan-rakan sekuliah kerana pandangan dan pendapat mereka dalam menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada keseluruhan kakitangan yang bertugas di PSAR yang banyak memberi panduan dan keprihatinan kepada saya sepanjang berada di sana. Pengorbanan dan tunjuk ajar semua, secara langsung atau tidak langsung amat dihargai dan akan terus dikenang buat selama-lamanya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	III
SENARAI SINGKATAN	V
SENARAI RAJAH	VI
SENARAI LAMPIRAN	VII
RINGKASAN EKSEKUTIF	VIII

BAB 1: LATAR BELAKANG PELADANG SETIU AGROTOURISM & RESORT SDN.BHD

1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah ringkas / Latar belakang	2
1.2 Misi Syarikat	4
1.3 Visi Syarikat	4
1.4 Fakta PSAR	4
1.5 Polisi dan Dasar Syarikat	7
1.6 Alamat Peladang	9
1.7 Struktur Organisasi Syarikat	9
1.8 Kemahiran yang dipelajari	18
1.8.1 Membuat minit mesyuarat	18
1.8.2 Kemahiran komputer	19
1.8.3 Kemahiran komunikasi	19
1.8.4 Memahami corak pentadbiran organisasi	20
1.9 Skop kerja yang terdapat pada setiap bahagian.	20
1.9.1 Pengurus Sumber Manusia	20
1.9.2 Eksekutif Pentadbiran	21
1.9.3 Eksekutif Kewangan	21
1.9.4 Pengurus Pemasaran	22
1.9.5 Pengurus jualan	22
1.9.5 Bahagian Food & Beverage	23
1.9.6 Bahagian Jualan	23
1.9.7 Bahagian Front Office	24
1.9.8 Bahagian Pembelian	24
1.9.9 Bahagian Dapur	25
1.9.10 Bahagian Penyelenggaraan	25
1.9.11 Bahagian Housekeeping	26
1.9.12 Bahagian Rekreasi	26
1.9.13 Bahagian Lanskap	27

BAB 2 : SISTEM SEDIADA, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.0 Pengenalan	28
2.1 Sistem sedia ada	29
2.1.1 Sistem pengurusan pemasaran	29
2.1.2 Sistem pengurusan kaunter	30
2.1.3 Sistem pengurusan sumber manusia	31
2.2 Pengenalpastian masalah	
2.2.1 Pengurusan fail	32
2.2.2 Sistem perakam waktu	33
2.2.3 Ketidakcekapan pihak pengurusan	34
2.2.4 Koordinasi setiap bahagian	35
2.2.5 Disiplin pekerja	35
2.3 Cadangan penyelesaian	
2.3.1 Kerjasama dan Bantu Membantu dalam melancarkan perjalanan Operasi	36
2.3.2 Mengadakan Kursus Celik IT	37
2.3.3 Memantau Penggunaan Kemudahan Pejabat	37
2.3.4 Wujudkan biro disiplin	38
2.3.5 Membalik Sistem Pembayaran Gaji	38
2.4 Analisis SWOT	
2.4.1 Kekuatan	39
2.4.2 Kelemahan	42
2.4.3 Peluang	44
2.4.4 Ancaman	46
BAB 3 : PENUTUP	49
RUJUKAN	52

SENARAI SINGKATAN

FPE	-	Fakulti Pangurusan dan Ekonomi
KUSTEM	-	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
PSAR	-	Peladang Setiu Agrotourism & Resort
PPK	-	Pertubuhan Peladang Kawasan
FO	-	<i>Front Office</i>
F&B	-	<i>Food & Beverage</i>
BTN	-	Biro Tatanebara

SENARAI RAJAH

Senarai	Halaman
Struktur Organisasi PSAR	11 - 17

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Borang LI 01
- Lampiran 2 : Borang LI 02
- Lampiran 3 : Borang LI 03
- Lampiran 4 : Peta PSAR 1
- Lampiran 5 : Peta PSAR 2
- Lampiran 6 : Pakej Seminar
- Lampiran 7 : Harga chalet
- Lampiran 8 : Pakej tapak perkhemahan
- Lampiran 9 : Harga sewa dewan
- Lampiran 10 : Agro & Recreational Facilities

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh pihak universiti adalah satu pendekatan untuk memastikan supaya pelajar memperoleh pengalaman dan mempraktikkan teori-teori yang dipelajari semasa di bilik kuliah agar dapat diaplikasikan ke alam pekerjaan. Latihan Industri yang dijalankan adalah selama 12 minggu iaitu daripada 17 April hingga 9 julai tahun 2006 dan diwajidkan kepada semua pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

Latihan Industri dijalankan di Peladang Setiu Agrotourism & Resort Sdn.Bhd (PSAR),Setiu, Terengganu. Semasa pelatih menjalani latihan di PSAR pelatih telah berjaya mengenalpasti sistem sedia ada dan masalah yang wujud. Selain itu pelatih turut menyatakan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul tadi dan mengupas dengan lebih lanjut lagi cadangan yang dinyatakan dengan membuat analisa terhadap punca masalah dan implikasi terhadap cadangan yang diberikan. Misalnya mencadangkan agar menukar sistem pengurusan fail daripada cara manual kepada komputer agar pengurusannya lebih cekap dan memahirkan pekerja dengan mengadakan kursus komputer dalam jangka waktu yang terdekat. Selain itu pelatih juga mencadangkan supaya mewujudkan biro disiplin bagi memastikan para pekerja mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan.

Pelatih telah membuat analisis terhadap semua punca masalah dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut di dalam bahagian pengenalpastian masalah. Kesimpulannya, pelatih telah berjaya membawa pulang pengalaman alam pekerjaan dan pengetahuan mengenai selok belok pengurusan pentadbiran di PSAR.